

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98**

FEBRUARI 1998

RPK 535 - Perancangan Wilayah dan Desa

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. **DUA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **DUA** soalan dari **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A: (Jawab **DUA** soalan sahaja)

1. Perancangan Metropolitan merupakan salah satu bentuk perancangan wilayah yang menangani isu-isu pembangunan bandar-bandar besar.
 - (a) Bincangkan **EMPAT** fungsi atau sebab badan perancangan metropolitan ditubuhkan.
 - (b) Bincangkan sejauh manakah negara kita memerlukan/tidak memerlukan badan perancangan metropolitan. Nyatakan pendapat anda dengan jelas dan berikan sebab-sebab anda berpendapat demikian.

(25 markah)

2. Sesebuah wilayah dapat ditakrifkan berdasarkan beberapa kriteria untuk tujuan tertentu.
 - (a) Bincangkan secara ringkas apakah yang dimaksudkan dengan:-
 - (i) Wilayah Formal
 - (ii) Wilayah Fungsian
 - (iii) Wilayah Perancangan
 - (b) Huraikan **DUA** kaedah untuk menentukan Wilayah Fungsian.

(25 markah)

- 2 -

3. (a) Takrifkan:-
- (i) Kutub Pertumbuhan
 - (ii) Agropolis
- (b) Pada pendapat anda, yang manakah di antara pusat-pusat tersebut yang merupakan kaedah atau pendekatan yang lebih baik untuk membangunkan kawasan luar bandar di Malaysia.
- (25 markah)

BAHAGIAN B: (Jawab DUA soalan sahaja)

4. "Ketaksamaan wilayah meningkat pada peringkat awal pembangunan dan akan terhapus pada peringkat pembangunan yang maju"
- (a) Bincangkan pernyataan di atas dengan merujuk kepada pendapat ahli-ahli sains wilayah yang terkemuka.
 - (b) Sejauh manakah pernyataan di atas mencerminkan pola ketaksamaan wilayah di negara ini?
- (25 markah)
5. (a) Terangkan unsur-unsur penting dasar pembangunan wilayah di negara ini.
- (b) Dengan merujuk kepada satu Lembaga Kemajuan Wilayah di negara ini, nilaikan sejauh manakah ia mencapai matlamat dasar pembangunan wilayah negara.
- (25 markah)
6. (a) Terangkan konsep pembangunan setempat.
- (b) Sejauh manakah konsep pembangunan setempat dapat mengatasi masalah pembangunan wilayah dan desa di negara ini.?
- (25 markah)

-ooo000ooo-